



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

**TEKS UCAPAN
YB DATO' DR LOGA BALA MOHAN
TIMBALAN MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG
TAHUN 2017
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN BERSAMA
AGENSI**

**27 MAC 2018 (SELASA) | 9.00 PAGI
DEWAN SRI SIANTAN, PERBADANAN PUTRAJAYA**

(SALUTASI AKAN DIKEMUKA KEMUDIAN)

Salam Sejahtera, dan Salam Wilayah Ceria Rakyat Sejahtera

1. Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kepada Tuhan dengan keizinan-Nya pada pagi yang penuh ceria ini dapat saya bersama-sama dengan semua hadirin sekalian dalam Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2017 Kementerian Wilayah Persekutuan bersama Agensi. Saya amat berbesar hati atas penghormatan yang diberikan untuk saya menyempurnakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang yang dianjurkan Kementerian setiap tahun untuk mengiktiraf jasa dan bakti yang disumbangkan oleh setiap daripada warga Kementerian Wilayah Persekutuan serta Agensi.
2. Hadirin yang saya kasihi sekalian, terlebih dahulu, izinkan saya secara peribadi mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan serta tahniah kepada semua **903 orang** warga Kementerian dan Agensi kerana telah diiktiraf untuk dianugerahkan perkhidmatan cemerlang bagi tahun 2017.

3. Kami sebagai Pengurusan Tertinggi di Kementerian Wilayah Persekutuan, amat berbangga atas penganugerahan ini yang merupakan suatu persada untuk mengiktiraf kecemerlangan yang telah dipamerkan oleh tuan-tuan dan puan-puan sepanjang tahun 2017. Andainya kami dikatakan sebagai pengemudi, tuan-tuan dan puan-puan diibaratkan layarnya. Sentiasa kuat menangkis bayu agar dapat kita bersama-sama membelah samudera dengan suatu arah yang pasti.

PENGIKTIRAFAN DAN PENGHARGAAN

Hadirin yang dihormati sekalian,

4. Kerajaan sentiasa menghargai dan mengiktiraf budaya kerja cemerlang, komitmen dan jasa yang diberikan oleh penjawat awam. Kejayaan penerima anugerah ini juga merupakan kejayaan setiap warga kerja bagi Wilayah Persekutuan secara keseluruhannya kerana prestasi mereka secara langsung akan menyumbang kepada pencapaian objektif organisasi. Sesungguhnya kejayaan sesebuah organisasi tersebut amat bergantung kepada usaha gigih serta budaya kerja yang berprestasi tinggi warganya.

5. Seperti saya umumkan tadi, seramai 903 orang pegawai dan kakitangan di Kementerian Agensi telah diiktiraf untuk menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang tahun 2017. Daripada jumlah tersebut, seramai 26 orang adalah daripada Kementerian sendiri, 785 orang daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, 68 orang daripada Perbadanan Putrajaya, 2 orang daripada Perbadanan Labuan, 2 orang daripada Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu dan 3 orang daripada Majlis Sukan Wilayah Persekutuan.

6. Oleh yang demikian, saya mewakili Pengurusan Tertinggi Kementerian serta Agensi setulus hati menyampaikan penghargaan kepada, tuan-tuan dan puan-puan yang menjadi individu harapan kepada kami untuk menyebarkan semangat positif dalam bekerja kepada rakan-rakan yang lain. Insan yang cemerlang tidak hanya bersinar dalam dirinya, tetapi mereka bersinar menerangi orang-orang yang berada di sekitarnya. Semoga tuan-tuan dan puan-puan juga akan menjadi pemangkin kepada rakan sejawat yang lain untuk sentiasa sama-sama lebih cemerlang.

7. Penghargaan seumpama ini seharusnya diteliti sebagai mungkin bagi warga kerja Kementerian dan Agensi untuk terus meningkatkan lagi komitmen dan daya usaha dalam mutu kerja dan produktiviti diri mereka. Secara tidak langsung ia akan turut memupuk budaya sihat suka bersaing dalam kerja masing-masing untuk mencerminkan keupayaan diri dan organisasi dalam menyampaikan perkhidmatan yang terbaik.
8. Kepada mereka yang tidak terpilih menerima APC 2017, bukanlah bermakna prestasi saudara dan saudari tidak cemerlang, tetapi terikatnya kita kepada kuota 8 peratus daripada jumlah keseluruhan pengisian jawatan pegawai di Kementerian dan Agensi. Justeru, anugerah yang diterima oleh kawan-kawan anda haruslah dijadikan pendorong serta motivasi dalam melaksanakan tanggungjawab yang lebih baik pada masa akan datang.

Hadirin yang dihormati sekalian,

9. Di bawah payung falsafah “***Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan***”, Kementerian Wilayah Persekutuan telah memperkenalkan pelbagai program dan inisiatif bagi memaksimumkan keberkesanan penyampaian

perkhidmatan kepada rakyat dan juga untuk meningkatkan kesejahteraan kehidupan rakyat Wilayah Persekutuan.

10. Program-program serta inisiatif tersebut seiring dengan kepesatan arus globalisasi serta tuntutan kerja yang memerlukan tindakan *'there and then'*. Tindakan ini kemudiannya disokong oleh modal insan yang bersifat dinamik, responsif dan cekal. Oleh itu, saya menyeru supaya warga KWP berfikiran lebih terbuka, inovatif dan kreatif di samping sentiasa memberikan nilai tambah, mencipta nilai melalui perubahan yang sering datang.

Hadirin yang dihormati sekalian,

11. YAB Perdana Menteri telah membentangkan gagasan TN50 bagi memberi hala tuju pada perjalanan negara selepas tahun 2020. TN50 ini bakal menggarap visi generasi muda Malaysia untuk 30 tahun sehingga tahun 2050.
12. Sebagai Kementerian yang memainkan peranan penting kepada pembangunan negara khususnya pembangunan Wilayah Persekutuan, kita perlulah sama-sama terlibat dalam menyusun gerak kerja secara lebih strategik ke arah mendekatkan negara ke sasaran TN50 iaitu menjadi antara

negara teratas di tangga dunia dalam ekonomi, kesejahteraan rakyat dan inovasi.

13. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan syabas dan tahniah kepada 903 orang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2017. Ini bukanlah pengakhiran kepada komitmen anda tetapi sebagai suatu tanda aras yang diiktiraf untuk anda menjadi lebih cemerlang pada masa mendatang.
14. Saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua urus setia majlis yang telah bertungkus-lumus memastikan majlis ini dapat dijayakan dalam keadaan yang sempurna. Inilah suatu yang indah apabila secara tradisinya kita melaksanakan majlis penyampaian anugerah ini secara bersama antara Kementerian dan Agensi, pasti kemanisannya dapat dirasai dalam sanubari setiap dari kita dan semoga setiap jasa akan diberkati.
15. Sekian, Terima kasih.